

# “ISLAM DI NEGERI KAMI TERJAMIN”



Dalam makalahnya ini yang dihantar khas kepada “Qalam”, Pujangga “HAMKA” menggambarkan bagaimana pengaruh propaganda dan Setakat mana pula semangat Umat Islam–P.Q.

(Oleh HAMKA)

Beberapa masa yang telah lalu, sebuah majalah yang disiarkan oleh “Oasis” dipertunjukkan gambar-gamabr kaum Islam di Amerika Syarikat sedang giat mempelajari agama. Di sana ada masjid, di sana ada sekolah Islam. Dan di sana pun pernah diadakan kongres oleh kaum pemeluk Agama Islam dalam kalangan bangsa atau warganegara Amerika.

Baharu-baharu ini saya mendapat pula sebuah naskah, berisi gambar masjid-masjid Islam di Tiongkok. Juga gambar-gambar dari imam-imamnya, kaum wanitanya dan beberapa orang pemimpin-pemimpin beragama Islam yang turut berjuang mempertahankan tanah airnya di bawah pimpinan pemerintah komunis dengan Presiden Mao Zi Tung.

Kemudian itu kita terima pula sebuah naskah buku dari kerajaan Yahudi Israel. Isinya ialah gambar-gambar bangunan-bangunan agama Islam, masjid dan kuburan. Di antaranya gambar makam Abū Hurayrah, sahabat Nabi. Semuanya dipelihara baik-baik oleh kerajaan Yahudi Israel.

Dan baharu-baharu ini ditulis oleh saudara ‘Umar Amīn Ḥussīn di dalam Majalah “*Hikmah*”, bahawasanya sikap pemerintah komunis sejak *Military-Coup* ini terhadap Islam amat jauh bezanya dengan sikap kaum komunis pada zaman hidup Stalin. Sekarang orang Islam di Rusia boleh pergi haji. Telah ada hubungan kapal udara langsung dari Rusia ke Saudi Arabia membawa jemaah Haji muslim Rusia

ke Tanah Suci.

Kita kaum muslimin ini memang ganjil. Bila mana kita mendengar khabar berita gembira bagaimana hidup amannya saudara seagama kita di lain negeri, termasuk negeri komunis sekalipun, hati kita besar. Inilah didikan kesatuan Tuhan, dan kesatuan kiblat yang telah sangat mendalam di sanubari kita. Sebab kita belumlah mengenal suatu nasionalisme dengan chauvinisme. Kaum muslimin sedunia adalah bersaudara. Maka propaganda-propaganda sebagai demikian sangatlah besar gunaannya bagi yang berpropaganda. Kaum muslimin yang berbesar hati mendengar bahawa agama Islam di negeri-negeri itu terjamin, tentu sahaja akan besar pengaruhnya guna merubah pandangan kita atas negeri itu. Sehingga ada kawan kita yang kena; lalu berkata bahawa negeri komunis itu Islam telag dijalankan, ayat-ayat al-Quran telah dilaksanakan. Sedang kita di sini baharu membaca-membaca ayat sahaja.

Dan ada pula yang berkata bahawa negeri-negeri itu telah tercapai syurga!

\*\*\*

Sekarang haruslah propaganda ini kita tinjau lebih dalam, ini bukanlah semata-mata propaganda penarik hati, bahkan lebih dalam daripada itu.

Orang mempelajari dengan saksama, bahawasanya kaum muslimin

sesudah perang dunia yang kedua, bukanlah kaum muslimin yang sebelum itu lagi. Kaum muslimin yang sekarang telah turut menentukan jalan sejarah, meskipun belum selengkapnyanya. Orang melihat bahawasanya dunia Islam ini sekarang bergolak, melepaskan dirinya daripada belenggu zaman lampau. Kaum muslimin yang tidur makin lamanya, semenjak Andalusia jatuh semenjak Melaka jatuh; sekarang telah bangun. Kaum muslimin abad kedua pulalah mempunyai orang-orang sebagai Ibnu Sa'ūd, Jeneral Najīb, Kolonel Jamāl 'Abdul Nāṣir, 'Alī Junāyih dan lain-lain lagi.

Kaum muslimin yang sekarang bergolak dalam suasana baharu. Suasana hendak merebut kembali kedudukannya yang layak dalam arena dunia.

Timbulnya negara-negara baharu, sebagai Pakistan dan Indonesia. Timbulnya gerakan perbaharuan di Mesir, Iran dan seluruh Tanah Arab. Kemerdekaan Libya. Perjuangan kemerdekaan di Tunisia, Afghan dan Morocco semuanya itu adalah gejala baharu yang tidak dapat disiaikan lagi.

Gerakan perbaharuan, baik sifat politik atau bersifat agama semata-mata, sebagai Masyumi di Indonesia dan Ikhwanul Muslimin di Mesair dan Tanah Arab, kembalinya gelegak hidup beragama di Turki; semuanya itu adalah satu soalnya, sola kebangunan Umat Islam.

Nasionalisme bagi orang Islam hanyalah langkah pertama. Agamanya itu sendiri bersifat internasionalisme. Kian setahun kian lebih banyak orang yang naik haji ke Mekah. Dahulu naik haji hanya orang-orang dusun dari Jambi Sulawesi. Orang dusun dari Qulubi dan al-Siyuṭh di Mesir. Orang tani dari Anatoli. Tetapi sekarang setiap tahun berpuluh-puluh intelektual dari berbagai negeri Islam telah naik Haji pula. Professor dari universiti, doktor, filsuf dan ahli-ahli fikir, telah berkumpul di Mekah. Dan bila mereka pulang, mereka

pun propaganda kepada temannya, sehingga tahun hadapan lebih banyak dari tahun yang dahulu.

Memang ada kelihatan percaturan parti-parti politik dalam negerinya masing-masing. Yang kadang-kadang keruh dan hebat nampaknya. Tetapi di dalama dasar jiwa adalah satu hal yang berpengaruh; kebangunan Islam!

Kenyataan yang telah tumbuh ini sekarang tidak hendak diabaikan orang lagi. Orang kanan atau orang kiri, sekarang sedang berbuat-buat memperlihatkan kepada umat Islam besar yang sedang baharu bangunan itu, umat yang telah dididik oleh kekayaan sejarah 14 abad lamanya, bahawa "kami tidak bersalah! "Islam di Negeri Kami Terjamin!". Kami tidak pernah merosak masjid. Kami memelihara kaum muslimin!. Cuba lihat! Ini masjidnya, ini imamnya!

Kita insaf bahawa umat Islam baharu sahaja bangun, dia belumlah kuat benar berdiri! Tetapi mereka pun insaf bawah ini adalah permulaan bangun; "bila mana bulan sabit telah tersenget dari sebelah timur, takinlah bahawa tidak lama lagi, hanya 14 hari lagi sahaja bulan itu akan genap penuh menjadi purnama".

Zaman depan itulah yang diingat orang dengan kepastian; bukan yang sekarang!

Sebab itu saya yakin, apabila bertambah kuat umat muslimin di negeri-negerinya yang merdeka. Akan bertambah yakinlah propaganda kepada mereka dari negeri-negeri yang umat Islamnya sebagai golongan kecil, mengatakan bahawa negeri kami Islam terjamin, dan kalau bertambah lemah, lemah pulalah propaganda itu.

Tetapi saya yakin, Islam tidak akan bertambah lemah! adapun bagi kita yang insaf dan mengerti akan ideologi agama Islam, propaganda itu bukanlah soal yang menarik hati kita benar. Di mana pun di dunia ini; baik di negeri yang umat Islamnya kecil atau yang terbanyak sekalipun, pemeliharaan masjid-masjid dan imam-imam yang berpakaian rasmi, atau ada pemuka komunis yang dahulunya beragama Islam, dan sekarang aktif membela tanah airnya yang dikuasai

oleh kaum komunis bukanlah soal!

Kita sudah pernah menderita hal sedemikian. Seketika Jepun mulai masuk ke negeri kita ini, dan memandang umat yang telah lemah kerana terjebak 350 tahun, dia menyangka umat ini telah mati. Pada hal setelah dia berkuasa di sini belum cukup setahun, timbullah pemberontakan di mana-mana. Dipimpin oleh kiai; sebagai Kiyai Idrīs Muṣṭafā di Sunḡapur dan Tengku Abdul Jalil di Lu Samawi.

Apakah senjata mereka itu? Mereka pasti kalah; sebab lading dan tombak tidak akan dapat menangkis peluru. Dari murid! Kiyai Idris dan Tengku 'Abdul Jalil mati dibunuh! Tetapi Jepun belajar banyak sekali dari kejadian seperti itu. Lalu lekas-lekas diadakan propaganda bahawa agama Islam tidak diganggu. Agama Islam diperlindungi. Jepun akan membantu umat Islam! Saya ingat benar apa kata menteri luar negeri Masayuki Tani; yang berkata bahawa Jepun adalah pembela Islam. Sebagai Musolini pun berkata bahawa dia adalah pembela Islam!

Jepun pun tahu inilah dia semangat "syahid" dan "jihad" yang jauh lebih besar daripada "Nippon – Kaizen" dan Kamikaze!

Jepun pun membuat propaganda di mana-mana menyebarkan gambar-gambar dan foto. Membuat rapat ulama' di Singapura dan di Jawa. Lalu diambil filemnya dan disiarkan.

Orang Islam yang berideologi hanya senyum melihat segala komedi itu. "Bukan itu kam maksud, buang!". Kami bermaksud lebih daripada itu. kami bermaksud cita-cita Islam turut menentukan corak suatu pemerintahan di dunia ini.

"Bukan ini yang kami maksud, buang!". Kami ingin lebih daripada itu, iaitu berkuasa.

Corak undang-undang dasar dari satu negara adalah

"perkara yang kedua" bagi kami! Kami mahu isinya.

Isinya harus cinta Islam.

Dan kalau kami telah berkuasa, maka kami pula nanti yang akan menyiarkan gambar-gambar dan buku maklumat ke seluruh dunia, bahawasanya segala faham, segala agama sungguh-sungguh terjamin di negeri kami!

Sebab memang terjamin!

Orang boleh melihat kedalamannya. Sebab negeri yang kami kuasai itu tidak akan kami pergi dengan "tabir besi!" di sana gereja berdiri di samping masjid, pagoda tegak di dekat kuil; semua orang menyeru nama Tuhan menurut jalan hidup dan ajaran agamanya masing-masing. Pemerintahan yang kuat yang jiwanya bersendirian kepada Islam adalah pelindung dari kuil, biara, gereja dan pagoda dan masjid. Orang yang ingkar kepada tuhan akan datang meminta ampun dan mencium kakinya, laksana seorang yang berkuasa anti-kristian memperlindungi dirinya ke dalam gereja dan berlutut di bawah kaki "Johannis mulut emas!"

\*\*\*

Dalam golongan kecil pemeluk agama Islam di negeri Totaliter itu pun ada semangat demikian, sebab semangat itu terletak dalam kalimah tawhid "*lā ilāha illallāh*".

Pada zaman kekuasaan Tzar di Rusia, Syekh Syamil 40 tahun lamanya melawan. Setelah berdiri pemerintahan Lenin di Rusia, kaum Islam di Bukhara tegak melawan di bawah pimpinan pahlawan Islam Turki Anuar Basha! Maka kalau sekarang mereka berani melawan, mereka akan ditindas. Dan sia-sia yang lemah tinggal lah hidup, bersama masjid yang tidak runtuh; itulah yang dijadikan orang propaganda; "Di Negeri Kami Islam Terjamin!"

(sambungan dari muka 12)

3. *Wa qul rabbi zidnī 'ilmān*. Maksudnya “ dan katakan oleh mu. Hai Tuhanku! Tuhanku! Tambahilah aku pengetahuan.

4. *Wa man yu'īl ḥikmat faqād ūtiya khairān khatīra:*  
Maksudnya: “Barang siapa yang diberi ilmu pengetahuan maka sesungguhnya ia telah diberikan manfaat yang besar. “Dan lagi adalag berates-ratus hadis Nabi yang menunjukkan kelebihan ilmu. Saya sebutkan sedikit sahaja di bawah ini:-

1. *Ṭalabu al-'ilma farīḍatun 'alā kulli muslim wa muslimat*. Maksudnya :“Menuntut ilmu itu wajib di atas tiap-tiap orang Islam lelaki dan perempuan.”
2. *Uḥlubū 'ilm minal mahdi ilāl laḥdi*. Maksudnya: “Tuntutlah Ilmu daripada masa kamu kecil lagi dalam buaian sehingga ke liang lahad.
3. *Uḥlubū 'ilm walaw bi al-ṣīn*. Maksudnya: “Tuntutlah ilmu walaupun sehingga ke negeri China.”

4. *Man arādu al-dunya fa'alayhi bi 'ilm wa man arādā la akhirat fa'alayhi bi 'ilm wa man arādahumā fa'alayhi bi 'ilm*. Maksudnya: “Barang siapa yang berkehendakkan dunia ini hendaklah ia menuntut ilmu, barang siapa yang berkehendak akhirat hendaklah ia menuntut ilmu, dan barang siapa yang hendaklah ia menuntut ilmu.”

5. *A'mal li duniyaka ka 'annaka ta'yishu abadān wa a'mal li ukhratika ka annaka tamūtu ghadān*. Maksudnya: Buat olehmu akan pekerjaan dunia kamu seolah-oleh kamu tidak mati selama-lamanya dan buat olehmu akan pekerjaan akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati besok.”

6. *Man kharaja fī ṭalibul 'ilm fahuwa fī sabilillāh ḥattā yarji'*. Barang siapa keluar dari rumahnya dengan maksud hendak mencari alam berjalanlah Ia pada jalan Allah sehingga ia balik ke rumahnya.”



Suatu pemandangan yang indah di Jawa Timur.

Sekian pengajaran Tuhan yang dibawa oleh Rasulullah yang ditunjukkan sedikit contoh di atas itu memang ada terkandung di dalam al-Quran al-‘Azim dan kitab-kitab hadis. Tetapi sedih hati kita memikirkan yang orang-orang kita tiada mengambil tahu atau berusaha langsung hendak mengajar anak-anak bangsa kita akan isi Quran itu dan segala contoh-contoh perjalanan Nabi kita seperti yang ada terkandung di dalam kitab-kitab hadis dengan bahasa yang boleh difaham oleh bangsa kita. Maka akibatnya yang kita dapati sekarang adalah kira-kira 99 peratus daripada ummat Melayu yang mengaku ‘mengetahui’ Quran itu hanyalah tahu membaca panjang pendek dengan lagu seperti betul dengung dengan tiada mengetahui nyaring sedikit pun apa makna benda yang dibacanya itu, kerana Quran itu di dalam bahasa Arab. Walhal bolehkah dikatakan pada amnya adalah isi Quran dan hadis itu tertutup kepada ummat Melayu, kerana mereka itu tiada menuntut betul-betul akan mengambil pengajaran yang terkandung di dalam al-Quran dan tiada sesuatu apa faedah daripadanya maka tiadalah apa yang boleh kita katakana melainkan hanyalah kerana malas guru-guru agama kita pada masa yang telah lalu atau pun kerana bodoh atau jahilnya.

Dalam pada itu pun, tiadalah harus kita berputus harap kerana menuntut ilmu itu tiada had masanya, bahkan boleh kita tuntutan sehingga kita mati seperti yang disuruh oleh Nabi kita, sama ada pihak diri masing-masing atau satu-satu bangsa amnya. Pada fikiran saya hendaklah kita segera berusaha dengan persetujuan ramai untuk membukakan mata orang-orang Melayu kita dengan mengikut ajaran yang ditunjukkan oleh agama kita lamun orang-orang Melayu kita tiada suka lagi tertinggal di dalam keadaan miskin dan daif selama-lamanya. Kerana kedaifan kita yang teramat sangat itu menghalang kita juga daripada menyempurnakan kewajipan kita terhadap Tuhan kita, kepada diri sendiri, dan kepada sesama manusia juga.

Bahawa bumi kita Tanah Melayu ini sebuah daripada

negeri-negeri yang terkaya sekali di dalam dunia ini, tetapi oleh sebab kebodohan dan kelalian kita orang-orang Melayu amnya, maka segala kekayaan yang terbit daripada bumi kita ini hanya mengkayakan segala bangsa-bangsa lain yang ada di dalam negeri kita ini. Kesudahannya sekarang orang-orang yang terkaya dan yang berpengaruh dan yang terlibat berkuasa di dalam negeri kita ini ialah daripada bangsa-bangsa yang bukan Melayu dan bangsa Melayu tuan hak yang berhak yang mempunyai negeri ini jadi bangsa miskin dan papa lagi daif seolah-olah orang yang sakit teruk.

(Dalam Qalam akan datang datuk yang berbahagia ini akan melanjutkan tulisannya tentang ‘bagaimana hendak menghapuskan kejahilan orang Melayu dan menggantikan dengan ilmu pengetahuan’.

Iaitu mengandungi bacaan-bacaannya;

(Alif) Pelajaran agama ;

(Ba) Pelajaran keduniaan dan

(Ta) Kemajuan tanaman-tanaman, lombong, iktisad,

perusahaan dan perniagaan. Dan bagaiman hendak mendapat modal bagi cadangan itu. -P. Q.)

---

Penggal 1 dan 2 sudah siap\_sepenggal \$1.20

‘Umār Ibn al-Khattāb

‘Abdullāh Bin Basmeh

Silalah pesan kepada :

Qalam Press Ltd.,

P.O. Box 3031, Singapore.

---